

Kajian Tinjauan Buli Siber dalam kalangan Remaja Tingkatan Dua di Daerah Lahad Datu, Sabah

(A Survey of Cyberbullying Among Adolescents Form Two in the Lahad Datu District of Sabah)

Mapatan Sudin^{1*} , Md Noor Saper², Nor Sayyidatina Che Rozubi³

¹Jabatan Psikologi dan Kaunseling, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

Email: mapatans@yahoo.com

²Jabatan Psikologi dan Kaunseling, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

Email: md.noor@fpm.upsi.edu.my

³Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

Email: sayyidatina@fpm.upsi.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):

Mapatan Sudin
(mapatans@yahoo.com)

KATA KUNCI:

Buli Siber
Remaja
Tingkatan Dua

KEYWORDS:

Cyberbullying
Adolescents
Form Two

CITATION:

Mapatan Sudin, Md Noor Saper, & Nor Sayyidatina Che Rozubi. (2022). Kajian Tinjauan Buli Siber dalam kalangan Remaja Tingkatan Dua di Daerah Lahad Datu, Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(8), e001728. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i8.1728>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tentang kegiatan buli siber dalam kalangan remaja tingkatan dua di sekolah menengah di Daerah Lahad Datu, Sabah. Skop kajian tinjauan yang dikaji antaranya ialah mengenal pasti jumlah masa yang digunakan oleh remaja dalam melayari internet, tujuan melayari internet dan kekerapan remaja menjadi mangsa buli siber. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah kajian tinjauan terhadap 166 remaja tingkatan dua di sekolah menengah di Daerah Lahad Datu Sabah. Data kajian diperolehi menggunakan instrumen soal selidik yang mengandungi aspek demografi, jumlah masa yang digunakan untuk melayari internet, tujuan melayari internet dan kekerapan menjadi mangsa buli siber. Data dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 21.0. Dapatan kajian menunjukkan jumlah masa yang digunakan melayari internet dalam kalangan remaja tingkatan dua di Daerah Lahad Datu Sabah ialah 3 jam hingga 5 jam sehari iaitu 36.1 peratus. Kajian juga mendapati tujuan remaja melayari internet ialah untuk menghilangkan kebosanan iaitu sebanyak 42.8 peratus. Manakala remaja mangsa buli siber didapati sering menerima kata-kata kotor dan lucah di laman sosial. Kajian ini memberi implikasi bahawa buli siber adalah satu masalah yang perlu diberi perhatian serius kerana kesannya terhadap perkembangan remaja. Turut dibincangkan juga ialah kaedah pencegahan dan intervensi bagi menangani buli siber dalam kalangan remaja.

ABSTRACT

This study aims to review cyberbullying activities among second grade teenagers in secondary schools in the Lahad Datu District of Sabah.. The scope of the survey that was studied was to identify the amount of time spent by teenagers surfing the internet, the purpose of surfing the internet and the frequency of teenagers becoming victims of cyber bullying. This study uses a quantitative approach through a survey method on 166 second-grade teenagers in secondary schools in the Lahad Datu District of Sabah. Research data was obtained using a questionnaire instrument containing demographic aspects, the amount of time used to surf the internet, the purpose of surfing the internet and the frequency of being a victim of cyber bullying. Data was analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 21.0. The findings of the study show that the amount of time spent surfing the internet among second-grade teenagers in Sabah's Lahad Datu District is 3 to 5 hours a day, which is 36.1 percent. The study also found that the purpose of teenagers surfing the internet is to get rid of boredom, which is as much as 42.8 percent. While teenagers who are victims of cyber bullying are found to often receive obscene and obscene words on social media. This study gives the implication that cyber bullying is a problem that needs to be given serious attention because of its impact on adolescent development. Also discussed are prevention and intervention methods to deal with cyber bullying among teenagers.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada aspek penerokaan buli siber dan situasi buli siber yang berlaku khususnya di Malaysia dan keperluan kepada intervensi pencegahan di peringkat sekolah.

1. Pengenalan

Remaja atau *adolescents* didefinisikan sebagai membesar menjadi matang iaitu peringkat transisi perkembangan manusia dari kanak-kanak menuju dewasa (Rogers, 1951). Menurut Santrock (2002), remaja bermula dari umur 10 tahun dan berakhir ketika berumur 22 tahun. Dalam peringkat ini umur ini Santrock (2002) membahagikan peringkat umur remaja kepada tiga peringkat iaitu peringkat awal remaja berusia 10 hingga 13 tahun, peringkat pertengahan berumur 14 hingga 17 tahun dan peringkat akhir remaja berumur 18 hingga 20 tahun. Remaja dan teknologi moden pada hari ini tidak dapat dipisahkan. Media sosial dan teknologi mengubah cara manusia berinteraksi. Dengan hanya satu klik diujung jari, jaringan interaksi sosial maya membolehkan remaja berhubung dengan orang lain tanpa mengira waktu. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, peratusan capaian isi rumah kepada internet menunjukkan peningkatan kepada 95.5 peratus pada 2021 berbanding 91.7 peratus pada 2020. Pada 2021, capaian oleh isi rumah terhadap telefon bimbit dan komputer juga masing-masing meningkat kepada 99.6 peratus dan 88.3 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022).

Penggunaan internet, terutama dalam kalangan kanak-kanak berumur antara lima hingga 17 tahun di Malaysia meningkat dari 18.4 peratus pada 2016 kepada 47 peratus pada tahun lalu (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2021). Lebih

membimbangkan ialah laporan Kajian Pengguna Internet 2020 yang dikeluarkan oleh [Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia \(SKMM\) \(2021\)](#) menunjukkan 56.3 peratus daripada kanak-kanak melayari internet melalui peranti digital secara bersendirian. Namun disebalik perkembangan dan kecanggihan teknologi rupanya tidak menjamin kematangan dan kewarasan pemikiran dalam kalangan masyarakat khususnya remaja. Isu besar yang timbul disebalik kecanggihan teknologi ini ialah buli siber. Menurut [Wan Hassan et al. \(2015\)](#), buli siber merupakan satu gejala buli yang baru muncul setelah berlakunya perkembangan teknologi komunikasi pada hari ini. Buli siber adalah satu amalan komunikasi yang bertujuan untuk mengancam, member gangguan atau sebarang penghinaan berterusan yang dilakukan melalui media elektronik seperti laman media sosial, telefon pintar, email, mesej teks (SMS), chatting atau permainan di internet melalui individu atau secara berkumpulan ([Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021](#)). Buli siber juga ialah apabila seseorang berulang kali dan sengaja mengganggu, menganiaya atau mempersendakan orang lain dalam talian atau semasa menggunakan telefon bimbit atau peranti elektronik lain ([Hinduja & Patchin, 2019](#)).

Berdasarkan laporan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 2021, Malaysia berada pada kedudukan kedua di Asia bagi kes buli siber selepas India dan tiga daripada 10 remaja Malaysia pernah menjadi mangsa buli siber yang dilakukan menerusi media sosial ([Berita Harian, 2022](#)). Kajian [Li dan Hesketh \(2021\)](#) terhadap 3774 responden dari kawasan bandar dan luar bandar di wilayah Chongqing, Henan dan Zhejiang membuktikan remaja yang menjadi mangsa buli siber lebih tinggi berbanding remaja pembuli siber. Kajian oleh [Lopez-Castro dan Priegue \(2019\)](#) menunjukkan 51 peratus responden bersetuju mengaku pernah menjadi mangsa buli siber. Manakala kajian yang dijalankan terhadap 322 orang murid tingkatan empat di semua sekolah menengah di Daerah Samarahan, Sarawak menunjukkan lebih separuh daripada responden pernah menjadi mangsa buli siber ([Yatiman Karsodikromo et al., 2020](#)).

1.1. Pernyataan Masalah

Percambahan pesat telefon pintar dan kebangkitan media sosial telah mengubah di mana, bila, dan bagaimana gejala buli berlaku. Pembuli telah lama wujud di dalam masyarakat kita. Seiring dengan perkembangan teknologi, gejala buli pada masa kini telah beralih ke dunia dalam talian yang dikenali sebagai buli siber. Berbanding dengan gejala buli tradisional di mana ianya berlaku secara bersemuka, buli siber mempunyai kesan segera, meluas dan kekal, memandangkan pembuli boleh menyerang mangsa 24 jam sehari ([Nur Azilah et al., 2021](#)). Oleh itu, terdapat kekhuatiran bahawa intensiti buli siber adalah lebih tinggi daripada buli tradisional. Menurut [Nur Azilah et al \(2021\)](#), Malaysia berada di kedudukan yang keenam dari 28 negara yang mencatatkan kes buli siber terbanyak di seluruh dunia pada tahun 2018. Sementara itu, 28 peratus daripada 6,953 remaja di Malaysia pernah menjadi mangsa buli siber dalam talian, dengan 43 peratus mengalaminya melalui permainan dalam talian, mesej peribadi dan aplikasi media sosial seperti Facebook, Instagram, WhatsApp, YouTube dan Twitter. Ini menunjukkan bahawa fenomena buli siber telah menjadi semakin runcing di negara kita.

Kajian menunjukkan remaja yang banyak menghabiskan masa dalam talian juga berisiko tinggi menjadi mangsa buli siber ([Shapka et al., 2018](#)). Kajian juga mendapati responden yang terdedah agak lama dalam talian terdedah dengan situasi buli siber ([Che Hasniza et al., 2018](#)). [Azianura dan Mohammad Rahim \(2019\)](#) turut menjelaskan mengenai kekerapan meluangkan masa yang lama di rangkaian laman sosial memberi dan membuka lebih banyak peluang dan ruang remaja terdedah kepada pembulian siber.

[Samantha et al. \(2017\)](#) dalam kajian melibatkan 357 orang responden yang dipilih secara rawak dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Serian yang berumur 13 hingga 18 tahun mendapati tidak terdapat perbezaan mangsa buli siber antara pelajar lelaki dan perempuan.

Dari aspek jantina menunjukkan remaja perempuan lebih kerap menjadi mangsa buli siber berbanding remaja lelaki ([Niklova & Makuchova, 2018](#); [Wan Hassan et al., 2015](#); [Wang et al., 2019](#)). Wanita juga lebih berkemungkinan daripada lelaki untuk terlibat dalam buli siber sebagai mangsa ([Martinez et al., 2020](#)). Manakala kajian mangsa buli siber dari aspek lokasi sekolah masih banyak belum diterokai dan belum meluas dijalankan. Beberapa kajian telah meneroka buli siber di sekolah bandar ([Garaigordobil, 2015](#)), tetapi tiada perbandingan dibuat dengan jenis kawasan lain. [Che Hasniza et al. \(2018\)](#) mendapati tidak terdapat perbezaan dalam kejadian buli siber berdasarkan lokasi iaitu bandar dan pinggir bandar. Walaupun kanak-kanak dari luar bandar kurang mempunyai akses internet, namun kekerapan kanak-kanak luar bandar menjadi mangsa buli siber adalah tinggi berbanding remaja bandar ([Dujmic Z et al. 2019](#)). Kajian juga menunjukkan mangsa buli siber di kawasan luar bandar adalah tinggi berbanding di kawasan bandar di wilayah Henan. Namun berbeza di wilayah Chongqing yang mendapati mangsa buli siber banyak berlaku di kawasan bandar berbanding di kawasan luar bandar ([Li & Hesketh, 2021](#)).

Sehubungan dengan itu kajian ini adalah untuk meninjau gejala buli siber yang berlaku dari aspek demografi, jumlah masa yang digunakan untuk melayari internet, medium yang sering digunakan serta tujuan melayari internet. Memandangkan kurangnya kajian berkaitan buli siber khususnya melibatkan pelajar sekolah menengah di Malaysia, maka kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti kekerapan remaja menjadi mangsa buli siber. Kajian ini akan memberi pendedahan kepada pihak sekolah khususnya dalam merangka intervensi khusus menangani buli siber di sekolah.

2. Metod Kajian

2.1. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan secara rentasan menggunakan kaedah kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian.

2.2. Sampel Kajian

Sampel kajian tinjauan melibatkan pelajar-pelajar tingkatan dua di sekolah menengah terpilih di Lahad Datu, Sabah. Seramai 166 sampel terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada 81 pelajar tingkatan dua sekolah bandar dan 85 remaja tingkatan dua sekolah luar bandar. Manakala dari aspek jantina terdiri daripada 57 pelajar lelaki dan 109 pelajar perempuan. Sampel kajian dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak manakala saiz sampel ditentukan menggunakan teknik penentuan saiz sampel [Krejcie dan Morgan \(1970\)](#). Sampel terpilih dikehendaki menjawab kesemua soalan melalui soal selidik yang diedarkan dalam kelas oleh guru bimbingan dan kaunseling yang telah dilantik.

2.3. Instrumen Kajian

Data kajian diperoleh melalui soal selidik yang dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu: a) maklumat demografi, b) jumlah masa dan tujuan melayari internet, dan c) kekerapan menjadi mangsa buli siber.

2.4. Analisis Data

Data dianalisis menggunakan perisian SPSS untuk mendapatkan statistik bagi setiap dimensi pemboleh ubah kajian yang digunakan.

3. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Jadual 1 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan sampel kajian mengikut jantina. Kajian ini melibatkan 57 orang sampel pelajar lelaki atau 34.3 peratus, manakala sampel pelajar perempuan adalah sebanyak 109 orang atau 65.7

Jadual 1: Taburan kekerapan dan peratusan sampel mengikut jantina

Bil	Jantina	Bilangan (N)	Peratus (%)
1	Lelaki	57	34.3
2	Perempuan	109	65.7
	Jumlah	166	100

Jadual 2 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan sampel kajian mengikut lokasi sekolah. Kajian ini melibatkan 81 sampel atau 48.8 peratus remaja tingkatan dua dari kawasan sekolah bandar manakala 85 sampel remaja tingkatan dua dari kawasan sekolah luar bandar atau 51.2 peratus.

Jadual 2: Taburan kekerapan dan peratusan sampel mengikut lokasi sekolah

Bil	Lokasi Sekolah	Bilangan (N)	Peratus (%)
1	Sekolah Bandar	81	48.8
2	Sekolah Luar Bandar	85	51.2
	Jumlah	166	100

Jadual 3 menunjukkan tempoh melayari internet dan tujuan penggunaan internet dalam kalangan remaja. Majoriti sampel kajian melayari internet dalam tempoh tiga hingga lima jam sehari iaitu sebanyak 60 orang remaja atau 36.1 peratus. Manakala sebanyak 55 orang atau 33.1 peratus melayari internet satu hingga 2 jam sehari. Hanya 13 orang atau 7.8 peratus remaja yang melayari internet kurang daripada 1 jam sehari. Ini menunjukkan remaja tingkatan dua di sekolah menengah yang dikaji menggunakan internet dalam tempoh tiga hingga lima sehari. Kajian oleh [Che Hasniza dan Mohd Yusri \(2014\)](#) juga menunjukkan dapatan yang sama iaitu tempoh penggunaan internet remaja yang paling kerap adalah tiga hingga lima jam sehari. Kajian menunjukkan remaja yang banyak menghabiskan masa dalam talian berisiko tinggi menjadi mangsa buli siber ([Onditi dan Shapka, 2020](#)). Kajian juga menunjukkan remaja melayari internet bertujuan menghilangkan kebosanan dengan mencatat bilangan yang paling tinggi iaitu 71 orang atau 42.8 peratus dan yang paling rendah tujuan melayari internet dalam kalangan remaja tingkatan dua ialah mencari kenalan baru iaitu hanya satu orang atau 0.6 peratus.

Jadual 3: Tempoh dan tujuan penggunaan internet

Bil	Pernyataan		Bilangan (N)	Peratus (%)
1	Tempoh Melayari Internet	Kurang 1 jam	13	7.8
		1 hingga 2 jam	55	33.1
		3 hingga 5 jam	60	36.1
		Lebih 5 jam	38	22.9
	Jumlah		166	100
2	Tujuan Melayari Internet	Bermain <i>game</i>	18	10.8
		Mencari maklumat	39	23.5
		Menghilangkan kebosanan	71	42.8
		Mencari kenalan baru	1	0.6
		Lain-lain	37	22.3
	Jumlah		166	100.1

Secara umumnya, kajian ini menunjukkan secara keseluruhannya remaja pernah menjadi mangsa buli siber. [Jadual 4](#) menunjukkan situasi buli siber yang berlaku dalam kalangan remaja yang tertinggi ialah menerima komen negatif iaitu sebanyak 74 orang remaja atau 44.58 peratus diikuti oleh situasi menerima kata-kata kotor dan lucu sebanyak 51 orang atau 30.72 peratus, dijadikan bahan jenaka oleh rakan laman sosial (18.67 peratus), menerima kritikan memalukan (17.47 peratus), kata laluan diceroboh (16.87 peratus), difitnah melalui laman sosial dan menerima komen memalukan (13.86 peratus). Manakala kekerapan mengalami buli siber yang paling rendah adalah situasi penyebaran maklumat peribadi tanpa kebenaran dan diugut oleh individu tidak dikenali iaitu masing-masing 12 orang atau 0.07 peratus. Walaupun angka ini rendah namun ia cukup membimbangkan. Kajian oleh [Che Hasniza et al. \(2018\)](#) menunjukkan situasi buli siber yang sering berlaku kepada mangsa buli siber ialah menerima komen negatif di laman sosial seperti ejekan nama ibu bapa, *body shaming* dan sebagainya.

Jadual 4 : Kekerapan mengalami situasi buli siber

Bil	Pernyataan		Bilangan (N)	Peratus (%)
1	Menerima komen negatif	Tidak Pernah	92	55.4
		Kadang-Kadang	67	40.4
		Kerap	2	1.2
		Selalu	5	3.0
	Jumlah		166	100
2	Penyebaran gambar peribadi tanpa kebenaran	Tidak Pernah	146	88.0
		Kadang-Kadang	18	10.8
		Kerap	2	1.2
		Selalu	0	0.0

	Jumlah		166	100
3	Video dimuat naik tanpa kebenaran	Tidak Pernah	151	91.0
		Kadang-Kadang	12	7.2
		Kerap	1	0.6
		Selalu	2	1.2
	Jumlah		166	100
4	Difitnah melalui laman sosial	Tidak Pernah	143	86.1
		Kadang-Kadang	20	12.0
		Kerap	2	1.2
		Selalu	1	0.6
	Jumlah		166	100
5	Menerima komen memalukan	Tidak Pernah	143	86.1
		Kadang-Kadang	21	12.71
		Kerap	2	1.2
		Selalu	0	0.0
	Jumlah		166	100
6	Penyebaran maklumat peribadi tanpa kebenaran	Tidak Pernah	154	92.8
		Kadang-Kadang	11	6.6
		Kerap	1	6
		Selalu	0	0.0
	Jumlah		166	100
7	Penyebaran maklumat palsu tentang diri	Tidak Pernah	146	88.0
		Kadang-Kadang	15	9.0
		Kerap	4	2.4
		Selalu	1	6
	Jumlah		166	100
8	Menrima kritikan memalukan	Tidak Pernah	137	82.5
		Kadang-Kadang	21	12.7
		Kerap	6	3.6
		Selalu	2	1.2
	Jumlah		166	100
9	Kata laluan dicero boh	Tidak Pernah	138	83.1
		Kadang-Kadang	25	15.1
		Kerap	3	1.8
		Selalu	0	0.0
	Jumlah		166	100
10	Menerima kata-kata kotor dan lucah	Tidak Pernah	114	68.7
		Kadang-Kadang	37	22.3
		Kerap	9	5.4
		Selalu	6	3.6
	Jumlah		166	100
11	Diugut oleh individu tidak dikenali	Tidak Pernah	154	92.8
		Kadang-Kadang	12	7.2
		Kerap	0	0.0
		Selalu	0	0.0
	Jumlah		166	100

12	Dijadikan bahan jenaka oleh rakan laman sosial	Tidak Pernah	135	81.3
		Kadang-Kadang	21	12.7
		Kerap	8	4.8
		Selalu	2	1.2
	Jumlah		166	100
13	Menerima gangguan seksual	Tidak Pernah	151	91.0
		Kadang-Kadang	10	6.0
		Kerap	3	1.8
		Selalu	2	1.2
	Jumlah		166	100

4. Kesimpulan

Oleh yang demikian, dalam kepesatan teknologi maklumat pada masa kini, sesuatu yang perlu diberikan perhatian serius oleh pihak sekolah ialah kejadian buli siber disamping buli tradisional. Oleh itu sudah tibanya suatu keperluan penting dari aspek intervensi pencegahan di sekolah. Beberapa pengkaji mencadangkan agar beberapa program intervensi dilaksanakan di sekolah kerana kesan yang diakibatkan oleh buli siber lebih parah berbanding buli tradisional. [Safiek \(2019\)](#) mencadangkan agar pentadbiran kaunselor sekolah membangunkan program intervensi membendung buli siber dalam kalangan remaja. Cadangan tersebut disokong agar program intervensi dan advokasi yang sesuai untuk pencegahan buli siber di sekolah ([Suriana & Khadijah Alavi, 2019](#)). Buli siber juga perlu diberikan perhatian serius ([Hellfeldt et al, 2019](#); [Zakiah & Dalbir Singh, 2018](#)).

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia. Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penulis merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, pihak sekolah terlibat dan semua sampel yang terlibat dalam kajian tinjauan ini.

Kewangan (*Funding*)

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang bantuan kewangan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dalam menjalankan kajian dan penerbitan ini.

Rujukan

- Azianura Hani Shaari, & Mohammad Rahim Kamaluddin. (2019). Buli Siber: Ketidaksantunan Bahasa Dan Etika Media Sosial Dalam Kalangan Remaja Malaysia. *Buli Siber: Ketidaksantunan Bahasa Dan Etika Media Sosial Dalam Kalangan Remaja Malaysia*, 16(6), 1–16.
- Berita Harian. (2022). Kes buli siber bukti masyarakat hilang adab. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/mindapembaca/2022/08/984147/kes-buli-siber-bukti-masyarakat-hilang-adab>, dicapai pada 04 ogos 2022.
- Che Hasniza Che Noh & Mohd Yusri Ibrahim. (2014). Kajian penerokaan buli siber dalam kalangan pelajar UMT. *Journal Social and Behavioral Sciences*, 134, 323–329
- Che Hasniza Che Noh, Mohd Yusri Ibrahim & Fatimah Yussoff. (2018). *Meneroka Ciri dan Faktor Buli Siber dalam Kalangan Remaja di Malaysia*. Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu
- Dujmic Z , Cosic V , Rajkovaca I , Vcev A , Gvozdanovic Z, M. D. & Miskic D (2019). Cyberbullying in Early Adolescence: Is There a Difference Between Urban and Rural Environment? *American Journal of Biomedical Science & Research*, 1(5), 192–196. <https://doi.org/10.34297/ajbsr.2019.01.000542>
- Garaigordobil, M. (2015). Cyberbullying in adolescents and youth in the Basque Country: prevalence of cybervictims, cyberaggressors, and cyberobservers. *Journal of Youth Studies*, 18(5), 569–582. <https://doi.org/10.1080/13676261.2014.992324>
- Hellfeldt K, Lopez-Romero L, & Andershed H. (2019). Cyberbullying and Psychological Well-being in Young Adolescence: The Potential Protective Mediation Effects of Social Support from Family, Friends, and Teachers. *Int J Environ Res Public Health*, 17(1), 45. doi: 10.3390/ijerph17010045. PMID: 31861641; PMCID: PMC6981789.
- Hinduja, S., & Patchin, J. W. (2019). Connecting Adolescent Suicide to the Severity of Bullying and Cyberbullying. *Journal of School Violence*, 18(3), 333–346. <https://doi.org/10.1080/15388220.2018.1492417>
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2022). Penggunaan dan capaian ICT oleh individu dan isi rumah 2021. *Jabatan Perangkaan Malaysia*. Diterbitkan 28 April 2022
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2021). Buli Siber. *Portal Kementerian Kesihatan Malaysia*. <http://www.myhealth.gov.my/cyberbullying/>.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research. *Activities. Educational and Psychological Measurement*, 30(3):607–610.
- Li, J., & Hesketh, T. (2021). Experiences and Perspectives of Traditional Bullying and Cyberbullying Among Adolescents in Mainland China-Implications for Policy. *Frontiers in Psychology*, 12(July), 1–12. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.672223>
- Lopez-Castro, L., & Priegue, D. (2019). Influence of family variables on cyberbullying perpetration and victimization: A systematic literature review. *Social Sciences*, 8(3). <https://doi.org/10.3390/socsci8030098>
- Martínez, J., Rodríguez-Hidalgo, A. J., & Zych, I. (2020). Bullying and cyberbullying in adolescents from disadvantaged areas: Validation of questionnaires; prevalence rates; and relationship to self-esteem, empathy and social skills. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(17), 1–17.

- <https://doi.org/10.3390/ijerph17176199>
- Niklová, M., & Makúchová, J. (2018). Forms of cyber-bullying from the aspect of cyber-victims – elementary and secondary school pupils. *New Educational Review*, 51(1), 150–161. <https://doi.org/10.15804/tner.2018.51.1.12>
- Nur Azilah Ismail, Norliza Abdul Majid, & Parathy Rajan Naidu. (2021). *Buli siber dan implikasi emosi dalam kalangan murid sekolah menengah Cyberbullying and emotional implications among secondary school students*, 14(1), 62–69. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol14.1.7.2021>
- Onditi D. & Shapka, J. (2020). Cyberbullying and Cybervictimization in Tanzanian Secondary Schools: Prevalence and Predictors. *Journal of Humanities & Social Science (JHSS)*, 8(1).
- Rogers, C.R. (1951). *Client Centered Therapy*, Boston: Houghton Mifflin.
- Safiek Mokhlis. (2019). Buli Siber Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Satu Penerokaan Awal (Cyberbullying among Secondary School Students: An Initial Exploration). *Myjms.Mohe.Gov.My*, 1(2), 7–18. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Samantha Rayne Anty@Diu, Abdul Razaq Ahmad, & Mohd Mahzan Awang. (2017). Kesan buli siber dalam kalangan pelajar sekolah menengah di serian, sarawak. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. 84–95.
- Santrock J.W. (2002). *Adolescence: Perkembangan Remaja*. (Edisi keenam) Jakarta: Erlangga
- Shapka, J. D., Onditi, H. Z., Collie, R. J., & Lapidot-Lefler, N. (2018). Cyberbullying and Cybervictimization Within a Cross-Cultural Context: A Study of Canadian and Tanzanian Adolescents. *Child Development*, 89(1), 89–99. <https://doi.org/10.1111/cdev.12829>
- Suriana Che Awang, & Khadijah Alavi. (2019). Buli siber: impak emosi dalam kalangan pelajar UKM. *Journal of Undergraduate Research* 1(4), 83–94.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2021). *Kadar penggunaan internet di Malaysia*. Portal Rasmi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.
- Wan Hassan Wan Embong, Zulaili Yaakob, Zetty Heriza Rohani, Mardhiyana Abidin, & Farisah Ibrahim. (2015). Kajian tinjauan: Buli Siber di Kalangan Mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia. *Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository*, 1–20.
- Wang, M. J., Yogeewaran, K., Andrews, N. P., Hawi, D. R., & Sibley, C. G. (2019). How Common Is Cyberbullying among Adults? Exploring Gender, Ethnic, and Age Differences in the Prevalence of Cyberbullying. *Cyberpsychology, Behavior, and Social Networking*, 22(11), 736–741. <https://doi.org/10.1089/cyber.2019.0146>
- Yatiman Karsodikromo, Mohd Razimi Husin, Abdul Rahim Razali, & Hazalizah Hamzah (2020). Buli siber dalam kalangan murid sekolah menengah di daerah Samarahan, Sarawak. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 13(2), 38–47. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol13.2.4.2020>
- Zakiah Saizan, & Dalbir Singh. (2018). Cyber Security Awareness among Social Media Users: Case Study in German-Malaysian Institute (GMI). *Asia-Pacific Journal of Information Technology & Multimedia*, 07(02(02)), 111–127. [https://doi.org/10.17576/apjitm-2018-0702\(02\)-10](https://doi.org/10.17576/apjitm-2018-0702(02)-10)